



13 JUN, 2024

Minuman keras RM2.75 juta dirampas

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Minuman keras RM2.75 juta dirampas

KOTA KINABALU: Cubaan menyeludup masuk minuman keras pelbagai jenama dengan nilai keseluruhan RM2.75 juta berjaya ditumpaskan di Pelabuhan Sepanggar, Isnin lalu.

Rampasan itu dilakukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah melalui pemeriksaan ke atas enam kontena yang diikrarkan sebagai perkakas tangan, gerudi tangan, mentol lampu, pukot dan alatan aluminium.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Datuk Mohd. Nasir Deraman berkata, minuman keras itu dibawa masuk dengan mengikrarkan kontena sebagai barangan lain bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Beliau berkata, pasukan serbuan JKDM Sabah menjalankan pemeriksaan ke atas 20 buah kontena yang disyaki mengandungi minuman keras yang diseludup masuk ke Sabah pada 10 Mei, kira-kira pukul 9 pagi.

"Hasil pemeriksaan terhadap kesemua kontena didapati, enam kontena berisi minuman yang cuba diseludup masuk ke dalam negara ini melalui Pelabuhan Sepanggar.

"Pemeriksaan terhadap ke-



MOHD. Nasir Deraman (dua kiri) menunjukkan rampasan minuman keras yang diseludup masuk ke Pelabuhan Sepanggar semasa sidang akhbar, di Kota Kinabalu hari ini.

semua kontena tersebut telah mendapati sebanyak enam buah kontena berisi minuman keras yang disyaki cuba diseludup masuk ke dalam negara ini.

"Jumlah keseluruhan minuman keras jenis bir pelbagai jenama tersebut dianggarkan sebanyak 149,925.6 liter dengan anggaran nilai RM484,788 dan anggaran duti serta cukai ter-

libat berjumlah RM2,26 juta. Jumlah keseluruhan rampasan yang terlibat adalah RM2.75 juta," katanya dalam sidang akhbar di Wisma Penguatkuasaan Sepanggar, semalam.

Kes disiasat di bawah Seksyen 52 dan 135 (1) (a) Akta Kastam 1967.

Beliau juga menyarankan orang ramai menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiv-

iti penyeludupan dengan menghubungi talian bebas tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri dalam membanteras kegiatan penyeludupan.

Kata beliau, penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah ia turut mendatangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.



13 JUN, 2024

Minuman keras RM2.75 juta dirampas

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA KINABALU: Cubaan menyeludup masuk minuman keras pelbagai jenama dengan nilai keseluruhan RM2.75 juta berjaya ditumpaskan di Pelabuhan Sepanggar, Isnin lalu. Rampasan itu dilakukan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah melalui pemeriksaan ke atas enam kontena yang diikrarkan sebagai perkakas tangan, gerudi tangan, mentol lampu, pukut dan alatan aluminium. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Datuk Moh'd.